

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah projek, program pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu memperkasakan industri pelancongan di Miri seperti program untuk membangunkan dan memasarkan perusahaan kecil yang menyokong industri pelancongan seperti peniagaan kraftangan dan perkhidmatan pemandu pelancong. Usaha ini juga akan memberi lebih banyak peluang pekerjaan untuk orang tempatan di Miri.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa memberi keutamaan dalam memperkasakan industri pelancongan di seluruh Malaysia, termasuklah di Miri. Kementerian menitikberatkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang menyokong industri pelancongan seperti Program Pengalaman Homestay Malaysia, Kraf Tangan dan perkhidmatan pemandu pelancong.

Kerajaan melalui Ucapan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018 telah bersetuju menyediakan Dana Tabung Pelancongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak RM500 juta melalui pinjaman SME Bank, dengan Kerajaan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2%. Inisiatif ini dijangka dapat membantu pengusaha perusahaan kecil dan sederhana terutamanya pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dan Kraf Tangan untuk memperluas dan memperkembangkan perniagaan mereka supaya terus berdaya saing. Majlis Pelancaran Tabung Pelancongan PKS ini telah diadakan pada 2 Mac 2019 di Pulau Langkawi, Kedah dan Kementerian mengalu-alukan penggiat industri pelancongan untuk membuat permohonan.

Selain itu, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) juga komited dalam membangunkan industri

kraf tempatan di Miri. Pada masa kini terdapat seramai 137 orang usahawan kraf yang berdaftar di Miri. Pada tahun 2019, Kraftangan Malaysia akan mengadakan aktiviti promosi di Miri dan pada masa yang sama membawa usahawan kraf mengikuti program promosi di luar Miri. Kraftangan Malaysia juga turut mengetengahkan komuniti etnik Penan di Long Nen, Ulu Baram, Miri dengan meningkatkan pengeluaran produk anyaman beg buluh dan menjadikan produk tersebut sebagai cenderamata bagi delegasi persidangan antarabangsa *The International Federation of Arts Councils and Culture Agencies (IFACCA)* yang akan berlangsung mulai 11 Mac 2019 di Kuala Lumpur.

Bagi menyokong industri pelancongan di Miri dan seterusnya memberikan pendapatan kepada penduduknya, usahawan kraf telah menghasilkan produk kraf untuk dijual di Homestay-Homestay MOTAC Malaysia yang terdapat di Miri iaitu Homestay Long Banga, Ulu Baram, Homestay Long Iman, Mulu dan Homestay Sg. Narum, Marudi. Ketiga-tiga Homestay tersebut telah memberi peluang pemasaran kepada 60 komuniti setempat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM13.1 juta bagi projek pembangunan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.4 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek pembangunan di daerah Miri iaitu Peningkatan Kemudahan Pelancongan Projek Pembangunan Di Taman Negara Niah, Miri, Sarawak.

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak juga sedang berbincang dengan pihak Kementerian Pelancongan, Seni, Budaya, Belia dan Sukan Sarawak (MTACYS) untuk mengadakan Kursus Pemandu Pelancong Khas Wilayah Tahap 3 secara *“one-off”* berdasarkan keperluan yang mendesak di kawasan Miri. Kursus tersebut dijangka akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2019. Keutamaan akan diberikan kepada peserta yang telah mengikuti kursus dan mempunyai lesen *“park guide”* serta memenuhi syarat kelayakan akademik minimum yang telah ditetapkan dan berpengalaman di industri pelancongan.

Sekian, terima kasih.